


SAUDAGAR-SAUDAGAR CINA PULAU PINANG DI KEDAH, 1890 - 1910.

oleh:

Lim Thean Boon.

Suatu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan Sejarah  
( HSM 412: Dokumen-dokumen Dalam Sejarah Malaysia.) Bagi  
Pengijazahan Sastera Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Sidang 1988/89.



Penghargaan diberi ke atas kerjasama:

1. En. Khoo Khay Jin, Pensyarah Pusat Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Sains Malaysia.
2. STAR Publication, Pulau Pinang.
3. En. Lim Seng Chik.
4. Pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Sebelum kita meninjau lebih dalam mengenai saudagar-saudagar Cina Pulau Pinang di negeri Kedah perlu kita memahami serba sedikit mengenai latarbelakang social-ekonomi negeri Kedah. Pada umumnya perkembangan sumber ekonomi negeri Kedah sangatlah bergantung kepada Sultan. Sultan mempunyai hak ke atas segala sumber ekonomi dan boleh mengerah rakyat mengerjakan tanah-tanahnya. Oleh kerana negeri Kedah tidak kaya dari segi bijih timah seperti Perak ataupun Selangor maka aktiviti pertaniannya menjadi pekerjaan utama penduduk Melayu di negeri Kedah. Menurut Sherom Amat,

"The report of the census of population for Kedah and Perlis in 1911 showed that in the year, there were 88,491 Kedah Malays engaged in agricultural occupations. Out of this number, 88,121 or 99.5% were padi planters".<sup>1</sup> Menurut Frank Swettenham, "The padi fields are of greater extent than any that I have seen elsewhere in Peninsula".<sup>2</sup>

Gambaran yang diberi ke atas penanaman padi nampaknya begitu mengkagumkan iaitu penanaman padi yang dijalankan secara besar-besaran. Penanaman padi sudah dijalankan secara besar-besaran sebelum kedatangan orang Cina secara beramai-ramai pada akhir kurun ke 19. Walaupun begitu penanaman padi oleh orang-orang Melayu adalah sangat tradisional dan selalu lebih bercorak sara-diri. Hasil padi selalunya cukup untuk keperluan keluarga dan yang lebih untuk bayar tuan tanah. Oleh itu tiada ujud satu inisiatif untuk petani-petani untuk bekerja keras kerana tiada insentif yang menggalakkan mereka. Faktor-faktor